

# 'Tak setuju jika untuk orang luar'

Penduduk bantah projek pembinaan perkuburan bersepadu kerana lokasi tak sesuai

**KUALA LANGAT** - Kira-kira 30 penduduk sekitar Kampung Sungai Kelambu, Sungai Lang Tengah dan Sungai Lang berkumpul membantah projek pembinaan perkuburan bersepadu yang bakal diwujudkan di kawasan itu.

Melalui papan tanda yang didirikan di tapak projek berkenaan, kerja-kerja menebang pokok, menambak tanah merah dan membina jalan keluar masuk di atas tanah perkuburan bersepadu di Sungai Kelambu itu telah bermula sejak 18 Disember dan dijangka siap pada 12 Mac 2018.

Penduduk Sungai Kelambu, Abdul Fitri Paring, 47, berkata, dia melahirkan rasa tidak berpuas hati terhadap pembinaan perkuburan di kawasan lebih 90 peratus penduduk Melayu.

Menurutnya, dia terkejut apabila papan tanda projek berkenaan didirikan tanpa mempunyai maklumat terperinci.

"Kami terpaksa mengadakan bantahan apabila difahamkan tanah perkuburan itu bakal digunakan oleh orang luar dan bukannya untuk penduduk sekitar."

"Malah penduduk tertanya-tanya kenapa perlu bina kawasan per-



Sebahagian penduduk yang berhimpun secara aman membantah projek tanah perkuburan Hindu dan Kristian di Jalankandi Kampung Sungai Kelambu.

**INFO** • Tandatanganan penduduk bakal dikumpulkan sebagai tanda bantahan untuk dihantar kepada pihak yang terlibat

kuburan dengan tanah cukup luas di kawasan tempat tinggal majoriti orang Melayu?

"Kami berharap pihak yang ber-

tanggungjawab dapat menghentikan projek ini serta merta demi keharmonian penduduk di sini.

"Kami bakal mendapatkan tandingan penduduk sebagai tanda bantahan untuk dihantar kepada pihak yang terlibat," katanya kepada Sinar Harian di tapak projek tanah perkuburan itu di Sungai Kelambu.

Seorang lagi penduduk, P Mathurai, 53, berkata, dia yang su-

dah menetap di Sungai Kelambu sejak 35 tahun lalu mengakui kira-kira lima keluarga India sahaja yang tinggal di kawasan itu.

Katanya, dia bukanlah mahu menolak pembangunan projek berkenaan tetapi turut tidak bersetuju sekiranya dimanfaatkan oleh orang luar.

"Bila saya nampak papan tanda dinaikkan ramai orang Melayu di sini berkongsi luahan rasa tidak

berpuas hati kepada saya sedangkan saya pun tak tahu.

"Saya bimbang ia bakal beri kesan kepada penduduk sekitar terutama kepada penduduk Melayu di sini nanti," katanya.



## PTDKL sahut saranan SPRM, lafaz IBR

**KUALA LANGAT** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memperkasakan agenda pengurusan integriti di kalangan penjawat awam supaya lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah.

Timbalan Pengarah (Operasi) SPRM Selangor, Hairuzam Mohamad Amin berkata, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat (PTDKL) turut menyahut saranan dalam menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR).

Menurutnya, ia secara tidak langsung dapat memperkasakan PTDKL dari segenap perkara termasuk tadbir urus baik dan integriti.

"Persefahaman yang dibina ini merupakan langkah positif bagi menjalinkan satu rangkaian kerjasama strategik dan menjadi PTDKL contoh kepada agensi lain dalam me-



Mohd Jusni (dua, kanan) menyerahkan borang Sahabat Gerah SPRM kepada Hairuzam sambil diperlihatkan oleh Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Mohamad (kanan).

merangi rasuah.

"PTDKL perlu memastikan bahawa mereka perlu bertanggungjawab sepenuhnya dalam mempertahankan jabatan ini bagi memastikan bebas rasuah dan menghasilkan perkhidmatan berteraskan tabir urus yang tinggi," katanya ketika hadir dalam Majlis IBR Pejabat PTDKL di Ruang Legar Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat.

Hadir sama, Orang Besar

Daerah Kuala Langat, Tengku Mohamad Tengku Harun.

Beliau turut memberitahu, IBR adalah satu usaha SPRM membantu kerajaan bagi memastikan ketulusan dalam pentadbiran kerajaan dan sistem penyampaian kepada masyarakat.

Katanya, semua pejabat tanah dan daerah di Selangor sudah menjalankan Majlis IBR dan yang terakhir di Kuala Langat semalam.

Dalam pada itu, majlis melafazkan dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah yang berlangsung itu turut diketuai oleh Pegawai Daerah Kuala Langat yang baharu, Mohd Jusni Hashim.

Katanya, pihaknya menyahut seruan IBR sebagai usaha melihat warga kerja PTDKL menjunjung tanggungjawab dan menjauhi rasuah atau salah guna kuasa ketika bertugas.

## Gambar tular bermotif politik

**MORIB** - Adun Morib, Hasnul Baharuddin menyifatkan gambar kain rentang yang tular di laman sosial tertera tulisan 'YB Morib mana duit khairat kami' bermotif politik.

Beliau melalui aplikasi WhatsApp memberitahu gambar tersebut disifatkan bermiat jahat dan cuba menjatuhkan kredibilitinya sebagai Adun Morib.


Menurutnya, terdapat salah faham selepas beliau memuat naik status di akaun Facebook miliknya

bertulis 'Kalan tak ada dua peratus, nak jadi angkat kasut pun tak merasa'.

"Semua saya dah kemaskini sebahagian besar tunggakan. Dalam pemantauan pihak Yawas."

"Semua yang layak akan dapat bayaran," katanya kepada Sinar Harian mengulas mengenai maklum balas netizen di komen Facebook.

Pelbagai pandangan, cadangan malah komen berbau negatif turut dilemparkan kepadanya melalui akaun miliknya.



Hasnul mengangap gambar tular di Facebook adalah cubaan menjatuhkan kredibilitinya.